



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU

PEKELILING TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

Bilangan 06 Tahun 2018

**PELAKSANAAN *WEEK WITHOUT WALLS* DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN TERENGGANU, SEMESTER SEPTEMBER 2018 - JANUARI 2019**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang pelaksanaan minggu *Week Without Walls* pada semester September 2018 - Januari 2019 di UiTM Cawangan Terengganu sebagai usaha mempelbagai kaedah dan pelantar penyampaian dan pembelajaran bersesuaian dengan era teknologi pintar dan Revolusi Industri 4.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling ini adalah merujuk kepada Surat Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Bilangan 1 Tahun 2018, bertarikh 4 April 2018 dimana objektif utamanya adalah untuk membudayakan Pendidikan 4.0 serta memperkayakan pengalaman pembelajaran para pelajar melalui kaedah, mod penyampaian dan pentaksiran alternatif.
3. Perubahan pendidikan tinggi yang pantas berikutan perkembangan teknologi, globalisasi dan cetusan Revolusi Industri 4.0 memerlukan Universiti merancang penyampaian dan pengalaman pembelajaran yang lebih responsive dan relevan. Pensyarah dan pelajar perlu memahami konsep konsep pembelajaran berasaskan pendidikan 4.0 dan seterusnya mengamalkan kaedah penyampaian dan pembelajaran yang fleksibel berkesan dan relevan dengan senario semasa.

PELAKSANAAN MINGGU *WEEK WITHOUT WALLS*

4. Definisi :

- (a) Minggu *Week Without Walls* ialah minggu tanpa pengajaran berpusatkan pensyarah.

- (b) Pembelajaran semasa minggu *Week Without Walls* adalah berpusatkan pelajar dan dijalankan tanpa pengkuliah lazim di kampus.
- (c) Pelajar diberi tugas atau aktiviti pembelajaran secara sendiri atau berkumpul dalam bentuk yang lebih fleksibel dan menjangkau batasan ruang kuliah yang lazim. Antara contoh aktiviti-aktiviti ialah :
 - i. Pembelajaran dalam talian menggunakan WEB 2.0, Sistem Pengurusan Pembelajaran atau menggunakan MOOC
 - ii. Pembelajaran berasaskan *Peer Learning* termasuk tutor rakan sebaya (*Peer Tutoring*)
 - iii. Pembelajaran dalam komuniti seperti *Service Learning*
 - iv. Pembelajaran berasaskan kajian atau pengalaman lapangan/*Field Experience*
 - v. Pembelajaran yang melibatkan pakar/pensyarah dan/atau kumpulan pelajar daripada universiti lain
 - vi. Pembelajaran dalam bentuk *Global Learning* yang melibatkan sesi pembelajaran bersama pakar antarabangsa yang berada di luar Malaysia
 - vii. Pembelajaran yang melibatkan pakar industri dan persekitaran kerja (*workplace*)

5. **Operasi :**

- (a) **Minggu *Week Without Walls* bagi UiTM Cawangan Terengganu adalah ditetapkan seperti berikut :**

Kampus	Tempoh Pelaksanaan
Dungun, Bukit Besi dan Kuala Terengganu	11 hingga 15 November 2018

- (b) Pensyarah hendaklah menentukan aktiviti pembelajaran yang sesuai dan memastikan semua sumber cukup dan prosedur dipatuhi termasuk mendapatkan kebenaran (jika aktiviti melibatkan pihak luar) sebelum minggu *Week Without Walls* berlangsung.
- (c) Pensyarah perlu menjelaskan hasil pembelajaran yang mesti dicapai melalui aktiviti pembelajaran semasa *Week Without Walls*, beserta penilaian/pentaksiran yang berkaitan.

6. **Pelajar-pelajar adalah diwajibkan untuk mengikuti aktiviti pembelajaran yang ditetapkan oleh pensyarah di dalam minggu *Week Without Walls*.**

TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling ini dikeluarkan pada 5 September 2018.

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling ini berkuatkuasa pada seperti berikut :

Kampus	Tempoh Pelaksanaan
Dungun, Bukit Besi dan Kuala Terengganu	11 hingga 15 November 2018

PROF MADYA DR KHLIPAH IBRAHIM

Timbalan Rektor (Akademik)

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Bahagian/Unit
Semua Ketua Pusat Pengajian
Semua Pensyarah UiTM Cawangan Terengganu
Semua Pelajar UiTM Cawangan Terengganu*

Nombor Fail : 100-UiTMKD (AKA/6/7/1)